

HIMPUNAN DOA SELEPAS SOLAT UNTUK BACAAN IMAM

Pengarang:

Alias Masek¹

Norfuz M Mafarja²

Muhammad Isa Salikin³

E-mel:

aliasmasek@uthm.edu.my¹

mdisa@uthm.edu.my³

Abstrak: Buku ini disusun sebagai himpunan doa-doa yang dapat menjadi sumber inspirasi dan kekuatan bagi kita dalam setiap perjalanan hidup. Tujuan buku ini adalah untuk membantu imam-imam yang mungkin terdiri daripada mereka yang bergelar ketua keluarga, suami, bapa, anak lelaki, anak sulung atau sesiapa sahaja yang memimpin keluarga, kumpulan, jemaah dan orang awam untuk membaca doa, khususnya selepas solat atau pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang bersesuaian serta mustajab doa. Doa adalah jambatan yang menghubungkan hati manusia dengan Yang Maha Kuasa. Dengan harapan agar setiap doa yang kita panjatkan mendapat redha-Nya, semoga setiap doa yang terangkai di sini menjadi cahaya dalam setiap langkah kita.

Kata kunci: Kebenaran, Khusnul Khotimah, Pengampunan, Rahmat dan Tawakkal



Himpunan
DOA
selepas Solat

Untuk Bacaan Imam

*Alias Masek
Nofouz Mafarja
Muhammad Isa Salikin*


**Penerbit
UTHM**

Himpunan
DOA
selepas Solat
Untuk Bacaan Imam

*Alias Masek
Nofouz Mafarja
Muhammad Isa Salikin*



2025

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:
Alias Masek
Nofouz Mafarja
Muhammad Isa Salikin

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8529/ 8698

Dicetak oleh:
Attin Press Sdn. Bhd.
No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
No. Tel: 03-89390660

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<https://publisher.uthm.edu.my/omp/index.php/penerbituthm/index>

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-185-8



Kandungan

Prakata	vii
Pendahuluan	ix
Adab-adab Berdoa Selepas Solat	ix
Pembuka Doa	3
Himpunan Pembuka Doa	4
Doa-doa yang Dihajati	19
Himpunan Doa Awalan “Allahumma”	
Doa-doa yang Dihajati	57
Himpunan Doa Awalan “Rabbana”	
Selawat Penutup Doa	67
Penutup Doa	69



Prakata

Tatkala kami memulakan langkah kami dalam menyusun himpunan doa ini, kami mengucapkan rasa Syukur kehadiran Ilahi, Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, yang telah memberikan petunjuk dan kekuatan kepada kami dalam usaha ini. Dengan penuh rasa pengabdian kepada-Nya, kami dengan iklas mempersembahkan naskah himpunan doa ini sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan hubungan kita sebagai hamba dengan Yang Maha Esa. Kami juga ingin berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan naskah himpunan doa ini secara langsung dan tidak langsung. Semoga doa-doa yang terkandung di dalam naskah ini menjadi amalan kita bersama dan menjadi sumber untuk keberkatan dan manfaat bagi kita semua. Selamat membaca dan mengamalkannya. Semoga Allah sentiasa merahmati setiap apa yang kita usahakan.



Pendahuluan

Dengan penuh rasa syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa, buku ini disusun sebagai himpunan doa-doa yang dapat menjadi sumber inspirasi dan kekuatan bagi kita dalam setiap perjalanan hidup.

Tujuan buku ini adalah untuk membantu imam-imam yang mungkin terdiri daripada mereka yang bergelar ketua keluarga, suami, bapa, anak lelaki, anak sulung atau sesiapa sahaja yang memimpin keluarga, kumpulan, jemaah, dan orang awam untuk membaca doa khususnya selepas solat atau bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang bersesuaian dan mustajab doa.

Doa adalah jambatan yang menghubungkan hati manusia dengan Yang Maha Kuasa. Dengan harapan agar setiap doa yang kita panjatkan mendapat perkenan dan redha-Nya, semoga setiap doa yang dikongsikan di sini menjadi cahaya dalam setiap langkah kita.



وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

“Berdoalah kepadaku, nescaya akan kuperkenankan bagimu”



ADAB-ADAB BERDOA SELEPAS SOLAT

Sebelum Berdoa


- Menutup aurat dan berpakaian elok (pakaian lepas solat).
- Masih dalam keadaan berwuduk.
- Memilih tempat dan lokasi yang sesuai (masih kekal di tempat solat).
- Memilih masa yang sesuai (selepas solat).

Semasa Berdoa

- Duduk antara dua sujud dan mengadap kiblat ketika berdoa (menyerong sedikit kekanan jika bersama makmum).
- Tidak terburu-buru dan terkejar-kejar.
- Merendah hati dan khusyuk serta mengharap kepada Allah.
- Menyebut khusus permintaan yang diinginkan perkara yang baik-baik.
- Mengangkat tangan dengan sempurna dan menadah ke langit.



Pembuka Doa





SELAWAT KE ATAS NABI MUHAMMAD


اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي
الْاَوَّلِيْنَ وَالْاٰخِرِيْنَ
وَسَلِّمْ وَرَضِيَ اللهُ تَبَارَكَ
وَتَعَالٰى عَنْ كُلِّ سَادَاتٍ اَصْحَابِ سَيِّدِنَا
رَسُوْلِ اللهِ اَجْمَعِيْنَ

*Boleh dimulakan dengan selawat atas Nabi junjungan dahulu kemudian baru dibaca mana-mana salah satu pembuka doa puji-pujian Allah seperti di muka surat seterusnya.



Doa-Doa Yang Dihajati

Himpunan Doa Awalan “Allahumma”





DOA SOLAWAT MUNJIYAT


اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنَجِّنَا بِهَا
مِنْ جَمِيعِ الْاَهْوَالِ وَالْاَفَاتِ
وَتَقْضِيْ لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ
وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ
وَتَرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ اَعْلٰى الدَّرَجَاتِ وَتُبَلِّغُنَا بِهَا
اَقْصٰى الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ
وَبَعْدَ الْمَمَاتِ

Ya Allah limpahkanlah rahmat ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad dan ke atas ahli keluarga Baginda, Dengan keberkatan selawat itu selamatkanlah kami dari segala ketakutan dan kerosakan, dengan keberkatan selawat itu tunaikanlah segala hajat kami, dengan keberkatan selawat itu sucikanlah kami dari segala kejahatan, dengan keberkatan selawat itu angkatkanlah darjat kami kepada darjat yang tertinggi, dengan keberkatan selawat itu sampaikanlah kami kepada matlamat yang sempurna dalam semua kebaikan sewaktu hidup dan setelah mati.



Doa-Doa Yang Dihajati

Himpunan Doa Awalan “Rabbana”






DOA TETAP HATI

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا، بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا،
وَهَبْ لَنَا، مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً،
إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan hati kami berpaling setelah Engkau berikan petunjuk kepada kami dan anugerahkanlah kepada kami rahmat dari hadiratMu. Sesungguhnya Engkau Maha Pemberi.



Penutup Doa





MOHON DOA MAKBUL


رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا دُعَانَا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Ya Tuhan kami, terimalah daripada kami (amalan kami), Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.



BIOGRAFI PENULIS

Alias Masek merupakan Profesor Madya di Jabatan Pendidikan Vokasional, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di UTHM, di mana beliau telah berkhidmat sejak 2010. Kepakarannya beliau adalah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran untuk bakal guru serta pengajar TVET, dengan penekanan yang khusus terhadap peningkatan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan latihan kemahiran. Iaitu melalui pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), Teknik pembelajaran aktif, penyeliaan dan pemudahcaraan, serta pembelajaran berasaskan masalah (PBL). Sepanjang kerjayanya, beliau telah berjaya menyelia dan melahirkan lebih daripada 50 pelajar pascasiswazah (Projek Penyelidikan Sarjana dan PhD) serta lebih 40 pelajar sarjana muda dalam projek tahun akhir mereka. Sebagai seorang penyelidik aktif, beliau telah menerbitkan lebih daripada 100 dokumen akademik merentasi pelbagai platform, termasuk sepuluh buku dalam pelbagai kategori di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan Ketua Editor bagi jurnal antarabangsa dan turut terlibat secara aktif dalam projek perundingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, memainkan peranan penting dalam pembangunan dasar serta penerbitan bahan akademik yang menyumbang kepada kemajuan pendidikan dan latihan TVET.




Nofouz Mafarja (Ph.D.) Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Matematik dan Sains, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Beliau merupakan pensyarah kontrak antarbangsa berasal dari Palestin. Bahasa Arab merupakan bahasa pertama bagi beliau. Penyelidikan beliau memfokuskan pada pendidikan fizik, perancah dalam pendidikan, pembelajaran kolaboratif, penyelesaian masalah dalam fizik, kemahiran berfikir kritis, Pendidikan STEM, pemahaman membaca dalam sains, dan Metodologi Penyelidikan. Beliau terlibat dalam beberapa projek penyelidikan dalam pengajaran inovasi, sokongan pembelajaran, realiti maya, Model PjBL Sistem Pembelajaran Hibrid, kemahiran berfikir kritis, alatan AI Generatif dan amalan pengajaran.

Muhammad Isa bin Salikin ialah Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Unit Pentadbiran dan HELWA, Pusat Islam, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Beliau memperoleh Diploma Dakwah dan Pengurusan Islam dari Darul Quran pada tahun 2016, selepas menamatkan pengajian di SMA Bugisiah Tampok pada tahun 2011. Pengalaman beliau yang luas dalam bidang dakwah menjadikan beliau sebagai orang penting bagi membantu dalam mengimarahkan Pusat Islam UTHM.



INDEKS

Hisab 35
Ibu bapa 2, 8
Iman 22, 23, 61
Kebenaran 33
Khusnul Khotimah 24, 27
Kubur 46,52,54
Pengampunan 9, 32
Penyakit 48, 50
Rahmat 7, 20,31, 45, 58, 63, 64, 65, 67
Selawat 2, 20, 21
Solat 1,42
Syukur 39
Syurga 12, 22, 30, 43
Takwa 36
Tawakkal 59
Tetap Hati 40, 58
Tubuh badan 38
Umat 17, 38, 71
Umur 23
Zikir 13,15,39



Himpunan **DOA** **selepas Solat** *Untuk Bacaan Imam*

Buku ini disusun sebagai himpunan doa-doa yang dapat menjadi sumber inspirasi dan kekuatan bagi kita dalam setiap perjalanan hidup. Tujuan buku ini adalah untuk membantu imam-imam yang mungkin terdiri daripada mereka yang bergelar ketua keluarga, suami, bapa, anak lelaki, anak sulung atau sesiapa sahaja yang memimpin keluarga, kumpulan, jemaah dan orang awam untuk membaca doa, khususnya selepas solat atau pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang bersesuaian serta mustajab doa.

Doa adalah jambatan yang menghubungkan hati manusia dengan Yang Maha Kuasa. Dengan harapan agar setiap doa yang kita panjatkan mendapat redha-Nya, semoga setiap doa yang terangkai di sini menjadi cahaya dalam setiap langkah kita.



ISBN 978-629-490-185-8

0 3 6 0 0



9 786294 901858

**PENERBIT
UTHM**

